

05/08/2003

AMF berjaya jika ikut acuan Asia: PM

reports on "Kongres Asia Timur" by Kadir Dikoh; Norliza Abdullah; TABUNG Mata Wang Asia (AMF) tidak akan berjaya jika pelaksanaan dan dasarnya dibuat berdasarkan peraturan yang sama seperti Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, IMF mampu menghancurkan ekonomi negara peminjam dan berikutan itu Malaysia menolak bantuan yang ingin dihulurkannya pada 1997.

Sehubungan itu, katanya, pelaksanaan penubuhan dana serantau seperti AMF perlu mengikut acuan dan keperluan negara Asia yang mempunyai ekonomi serta budaya berbeza.

"IMF tidak bersifat antarabangsa seperti sepatutnya. Ia juga mempunyai `tangan-tangan' yang akan mengawal dan kadangkala menghancurkan, bukan membantu," katanya di Kuala Lumpur, semalam.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata demikian dalam sesi soal jawab selepas berucap pada Kongres Asia Timur Pertama bertajuk `Membina Komuniti Asia Timur: Hala Tuju Masa Depan'.

Kongres anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra sehingga Rabu ini dihadiri 400 peserta dari Asia Timur.

Dr Mahathir turut menyeru negara yang berhasrat meminjam daripada IMF supaya menimbang buruk-baiknya terlebih dulu, dan tidak sewenang-wenangnya menerima apa yang ditawarkan.

"Kita perlu mengkaji dulu apa saja yang ditawarkan kepada kita. Kita sudah dapat pengajaran akibat yang dibawa oleh IMF semasa berlakunya krisis kewangan.

"Apa yang ditetapkan oleh dana itu sebenarnya boleh menghancurkan ekonomi negara peminjam," katanya.

Beliau turut melahirkan keyakinan pelaksanaan AMF akan berjaya jika negara anggota Asia Timur mempunyai semangat yang kuat dan mengetengahkan idea terbaik untuk melaksanakannya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir menyeru negara Asia supaya bersikap terbuka dan tampil memberikan cadangan terbaik bagi pelaksanaan AMF itu yang dicadangkan penubuhannya oleh Jepun pada 1997.

Sepanjang pencarian amalan terbaik itu juga, beliau berkata, pembetulan perlu dilakukan bagi menolak sebarang cadangan yang didapati tidak sesuai.

Ditanya bagaimana komuniti Asia Timur boleh membantu proses penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG), Dr Mahathir berpendapat perlu ada satu badan memantau pembentukannya bagi mengelak berlaku kesilapan.

Mengenai fungsi yang dapat dilaksanakan kumpulan itu, Dr Mahathir berkata, semua negara Asia Timur perlu bekerjasama untuk mendapat kesan maksimum.

"Mengapa Eropah membentuk Kesatuan Eropah? Kerana ia pasti akan memberi beberapa kelebihan kepada anggota masyarakat berkenaan, manakala kumpulan Asia Timur juga akan memberikan kita kelebihan yang sama.

"Mengapa negara Asia Timur tidak boleh bekerjasama? Kita tidak berperang antara satu sama lain, kita mesra dan jika kita bekerjasama, kita mampu mencapai kejayaan lebih besar terutama pada peringkat antarabangsa," katanya.